



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

IKLAN JAWATAN KOSONG

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN-JAWATAN BERIKUT, KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.

- 1. Nama Jawatan : PEMBANTU KESIHATAN AWAM**
Klasifikasi : Perubatan Dan Kesihatan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Bilangan Kekosongan : **3**
Taraf Jawatan : **KONTRAK/TETAP**
Gred U1 **Jadual Gaji Minimum Maksimum**
: RM1,500.00 – RM4,680.00
Kadar Kenaikan Gaji : RM100.00
Tahunan

SYARAT LANTIKAN :

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan).

(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM1,561.00)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil

Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KEUTAMAAN :

CALON YANG MEMILIKI SIJIL PEMBANTU KESIHATAN AWAM YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN ADALAH DIBERI KEUTAMAAN.

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai 26.1.2026. Pemohon diingatkan untuk mengisi alamat email dan nombor telefon yang aktif dalam borang permohonan.
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Ujian Bertulis/Temuduga.
4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil persekolahan/akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.
5. Sebarang urusan melibatkan teknikal Sistem Permohonan Jawatan Kosong melalui portal <https://digital.perak.my> hendaklah menghubungi Pasukan Help Desk Perak Digital melalui emel perakdigital.kperak@gmail.com (contoh : Lupa Kata Laluan)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Sebelum atau pada 8.2.2026 (AHAD)

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**